

AL-FATHA SUDJATA



# سَمِينار هاري كَبانْسان

## SEMINAR HARI KEBANGSAAN

Tema

**PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA  
"20 TAHUN MERDEKA: PENCAPAIAN DAN HALA TUJU"**

Anjuran

**JAWATANKUASA TERTINGGI  
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kelolaan Bersama

**PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
&  
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)**

Tempat

**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**"PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA"**


oleh

**Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin**



Tarikh

20-22 Muharram 1425 • 12-14 Mac 2004



منٲري حال الٲوال اٲناو

MENTERI HAL EHWAL UGAMA  
MINISTER OF RELIGIOUS AFFAIRS  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KERTAS KERJA**

**YANG BERHORMAT**

**PEHIN JAWATAN LUAR PEKERMA RAJA  
DATO DR. HAJI MD. ZAIN BIN HAJI SERUDIN  
MENTERI HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BERTAJUK**

**“PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA”**

**DALAM SEMINAR HARI KEBANGSAAN  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-20 TAHUN**

**ANJURAN**

**PUSAT SEJARAH,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PADA**

**12 – 14 MAC 2004**

**DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## **Patriotisme Teras Keteguhan Negara**

Oleh:

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja

Dato Dr. Haji Md. Zain bin Haji Serudin

Menteri Hal Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam

Patriotisme membawa makna perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Dalam seminar ini ceramah saya lebih menumpukan kepada mendekati kefahaman 'Patriotisme Teras Keteguhan Negara' menerusi contoh-contoh yang akan dibentangkan. Misalnya kisah di Afrika Selatan. Bumi itu dihuni berabad-abad lamanya oleh orang Afrika, kemudian datang orang luar, orang putih menguasai negeri itu sehingga timbul pemerintahan yang mengamalkan perbezaan warna kulit yang selalu kita dengar dengan istilah 'Apartheid'. Dengan rasa cinta yang kuat terhadap tanah air, timbullah gerakan-gerakan bagi membela nasib anak watan Afrika Selatan yang sudah berhidup turun temurun berabad-abad lamanya. Perjuangan ini tergambar dalam seorang tokoh yang bernama Nelson Mandela. Masing-masing faham bagaimana perjuangan dan semangat patriotisme

Nelson Mandela sehingga ia menjadi hero kepada rakyat Afrika Selatan yang mempunyai hak ketuanan di atas tanah air mereka berabad-abad lamanya.

### Patriot

2. Seorang patriot sebenarnya mendokong nilai-nilai kesetiaan bagi mempertahankan dan memelihara sesuatu hak yang dipunyainya, sesuatu hak yang dimilikinya. Termasuklah hak ke atas tanah air yang diwarisinya. Memperteguhkan negara berkehendakkan kepada berbagai-bagai sumbangan dari berbagai-bagai sudut dan jurusan, umpamanya perpaduan dalam perjuangan kemerdekaan seperti yang dinyatakan tadi, dari sudut-sudut seperti sifat taqwa, setia kepada perintah Allah, berusaha bagi keamanan dan kemakmuran negara, mempertahankan dan memelihara hak kepunyaan, kekuatan ekonomi, mengorbankan ( beramal saleh ) dengan harta, bijaksana dalam perundingan dan diplomasi, berilmu dan berkemahiran, menerima takdir Allah dengan tidak mengurangkan keteguhan akidah, kesetiaan dalam menjalankan tanggungjawab dan perkhidmatan awam, memelihara keamanan

dan keharmonian hidup bermasyarakat, semuanya itu akan saya coba bentangkan melalui contoh-contoh dalam ceramah ini.

### Setia

3. Mari kita lihat Al-Quran, Surah Ibrahim ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ

Maksudnya: “ Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya ”.

Ayat ini adalah cerita Nabi Ibrahim yang membawa isterinya Siti Hajar bersama-sama anaknya Ismail yang masih menyusu ke Negeri Mekah. Nabi Ibrahim menjunjung titah perintah Allah dengan semangat kesetiaan dan penuh kepercayaan, bahawa apa pun yang diwujudkan oleh Allah, apapun yang dikehendaki oleh Allah, apapun yang disuruh oleh Allah dan apapun yang dilarang oleh Allah, kesemuanya itu pasti membawā hikmah kebajikan.

Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-'Imran ayat 191 yang berbunyi:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya: " Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab mereka ".

Gambarkan pendirian dan sikap Nabi Ibrahim, antara nilai kesetiaan kepada perintah Allah dengan dorongan perasaan kasih terhadap isteri dan anak yang masih menyusu yang ditinggalkan di suatu tempat yang kering kontang yang tiada tanam-tanaman. Ini adalah patriotisme, suatu kesetiaan kepada perintah Allah, mengorbankan perasaan kasih sayang kepada isteri, perasaan kasih sayang kepada anak.

## Tiada Air

4. Kita jejak lagi perjalanan Nabi Ibrahim, isteri dan anaknya yang ditinggalkan di bumi kering kontang itu, menghadapi masalah, mereka kehabisan air. Gambarkan perasaan ibu, kasih sayang ibu terdapat anak kecil yang menangis meminta air, berlari-larilah Siti Hajar antara Safa dan Marwah, tiba-tiba memancutlah air, itulah air zam-zam. Allah bukan mahu menyiksa Siti Hajar dan anaknya Ismail, bahkan nampaknya Allah ingin memberikan gambaran akan nilai-nilai murni dalam menghadapi dugaan dan kesusahan, berusaha dan bakarih bagi mengatasi kesusahan, diiringi dengan doa serta sabar. Mereka dibekalkan dengan air, air zam-zam. Berkat air zam-zam itu, tempat kering kontang mulai subur, mula dihuni oleh manusia, mereka berkampung, mereka bermasyarakat.

## Rezeki

5. Allah berfirman dalam Surah Baqarah ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ  
أَهْلَهُ مِنَ الشَّرَائِعِ مِنَ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya: “ Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdo’a dengan berkata: “ Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka ” .

Doa Ini cukup hebat, tempat yang kering kontang dipohonkan kesuburannya oleh Nabi Ibrahim, belum ada teknologi canggih seperti sekarang ini bagi maksud itu, sebenarnya Nabi Ibrahim mempunyai pandangan yang jauh, ia nampak bahawa tempat yang kering kontang itu akan menjadi kampung, akan ada masyarakat, menjadi pusat peribadatan dan perniagaan. Ramai pendatang berkunjung ke sana dan akan timbul masalah, tapi Nabi Ibrahim bersedia dengan doanya, “ Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya ”.

Tanyakan kepada orang-orang yang pulang daripada mengerjakan ibadat haji. Lebih dua juta orang berkumpul pada satu ketika dan pada satu tempat, makanan cukup, minuman cukup,



kesihatan terjaga, keamanan terkawal. Kita dapat melihat buah-buahan ada yang berguringan di tanah, makanan terhidang dan berlebihan.

Bukankah itu patriotisme, setia kepada perintah Allah, disusuli doa, maka Negeri Mekah aman dan makmur, itulah sikap dan harapan Nabi Ibrahim.

### **Sembelih**

6. Kita susuli lagi sejarah Nabi Ibrahim. Sikap Nabi Ibrahim bertembung antara kesetiaan kepada Allah dengan perasaan kasih sayang kepada anak. Dalam Surah As-Saaffaat ayat 102, Allah menceritakan anak Nabi Ibrahim yang hampir dewasa iaitu Nabi Ismail, Nabi Ismail diperintahkan oleh Allah supaya disembelih oleh bapanya. Perbidalan Melayu ada mengatakan “ Sagarang-garang harimau tak kan makan anaknya ”. Nabi Ibrahim ingin mendapatkan pandangan anaknya, adakah patriotisme anaknya sama dengan patriotisme dirinya, iaitu pada menjunjung kesetiaan kepada perintah Allah. Al-Quran mengisahkan:

يَبْنِيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ

Maksudnya: “ Hai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahwa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu ”.

Apa jawab Nabi Ismail:

يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “ Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya-Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar ”.

Subhanallah! Inilah nilai kesetiaan kepada Allah. Inilah sikap patriotisme seorang ayah tergambar dalam diri Nabi Ibrahim ‘alaihissalam, dan Patriotisme seorang anak tergambar dalam diri Nabi Ismail ‘alaihissalam.

## Hak Kepunyaan

7. Ini menunjukkan bahawa patriotisme itu dapat diertikan sebagai suatu nilai kesetiaan bagi mempertahankan dan memelihara sesuatu hak kepunyaan. Kita tahu bahawa Nabi Muhammad itu dilahirkan dalam tahun gajah, kisahnya tergambar dalam Surah Al-Fiil. Apabila tentera yang diketuai oleh Abrahah dari Yaman yang berhasrat ingin meruntuhkan Ka'abah, mereka merampas ternakan penduduk Mekah. Sebelum mereka bergerak untuk melakukan kerja meruntuhkan Ka'abah itu. Abrahah memanggil ketua-ketua Quraisy dan berkata " Kami datang bukan untuk berperang, tetapi datang untuk meruntuhkan Ka'abah ". Ketua kaum Quraisy, Abdul Muttalib, iaitu datuk kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam menjawab " Kami juga tidak mahu berperang ". Sebenarnya mereka tidak berdaya untuk melawan dan menentang tentera Abrahah yang gagah dan mempunyai kekuatan yang hebat. Abdul Mutalib menambah ". Tuan-tuan telah merampas harta benda penduduk Mekah termasuk 200 ekor unta kepunyaan saya, binatang itu kepunyaan saya, sila kembalikan binatang itu kepada saya ". Abrahah yang sebelumnya cukup memuliakan dan

menghormati Abdul Muttalib, mendengar kata-kata itu ia menjadi hairan kenapa orang ini tidak mempertahankan Ka'abah, tetapi sebaliknya meminta dikembalikan 200 ekor untanya yang dirampas. Kita dapat lihat semangat patriotisme Abdul Muttalib yang kemudiannya berkata: " Unta itu hak saya, kepunyaan saya, jadi saya bertanggungjawab mempertahankannya. Adapun Ka'abah itu ada pemiliknya, pemilik itulah yang akan mempertahankannya, tanpa perlu kami masuk campur ".

Lihatlah semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh Abdul Muttalib dalam mempertahankan hartanya. Tanah air adalah harta yang amat bernilai. Brunei Darussalam kepunyaan kita, milik kita, adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan dan memeliharanya.

### **Sayidina Uthman bin 'Affan:**

8. Sekarang mari kita menyuruti contoh-contoh patriotisme di kalangan sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin Al Khattab, berlaku kemarau panjang, penduduk Madinah menghadapi kesusahan, menghadapi kelaparan. Khalifah menyeru supaya orang-orang kaya sudi bersedeqah bagi meringankan kesusahan dan kelaparan yang menimpa rakyat ketika itu. Sungguhpun orang-orang kaya di Madinah itu mempunyai wang, tetapi di mana mereka boleh mendapatkan makanan untuk disedeqahkan?

Pada ketika itu kembalilah qafilah Sayidina Uthman yang penuh dengan pakaian dan makanan. Orang-orang kaya Madinah berduyun-duyun ke rumah Sayidina Uthman untuk membeli pakaian dan makanan yang dibawa qafilah itu untuk disedeqahkan bagi meringankan kesusahan dan kelaparan yang menimpa rakyat Madinah ketika itu.

Diriwayatkan Sayidina Uthman telah bertanya kepada orang-orang kaya itu; berapa banyakkah kamu sanggup memberikan keuntungan kepada ku? Ada yang menawarkan 1%, ada yang menawarkan 2%, ada yang menawarkan 3% dan ada yang menawarkan 4%. Sayidina Uthman memohon maaf kepada mereka

kerana terpaksa menolak semua tawaran mereka itu disebabkan ia telah menerima tawaran yang melebihi tawaran mereka, tawaran itu memberinya keuntungan 10%. Orang-orang kaya itu pun tercengang-cengang kerana mereka tidak pun mendengar satu suara yang menawarkan keuntungan 10%. Sayidina Uthman merujuk kepada firman Allah dalam Surah Al An'aam Ayat 160 yang berbunyi:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ مِثَالِهَا

Yang Bermaksud: " Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; "

Sayidina Uthman mengisytiharkan bahawa semua harta yang dibawa oleh qafilah itu disedeqahkannya kepada fakir miskin dengan harapan semoga ianya diterima oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

Ini adalah patriotisme, mengorbankan harta kepunyaannya kerana Allah bagi membantu dan meringankan penderitaan rakyat yang susah, meringankan bebanan negara, demi mencapai redha Allah.

**Nu'aim bin Mas'oud:**

9. Dalam tahun ke lima hijrah berlaku satu peperangan yang dinamakan Perang Khandaq. Kuffar Quraish dengan angkatan perangnya yang besar telah berada di luar Madinah, siap sedia untuk menyerang Nabi Muhammad, memusnahkan umat Islam, meruntuhkan negeri Islam Madinah. Kita tau penduduk Madinah terdiri dari berbagai golongan iaitu Islam, Yahudi dan Musyrikin. Kesemua golongan ini telah menanda tangani suatu persetujuan iaitu jika mana-mana golongan diserang, golongan-golongan lain jangan membantu musuh, bahkan golongan-golongan lain hendaklah membantu golongan yang diserang itu demi survival Madinah dan penduduknya. Mereka hendaklah mempertahankan Madinah, tanah air yang mereka duduki yang mereka itu adalah sebahagian dari warganya.

Tiba-tiba satu kelompok daripada golongan Yahudi iaitu Bani Quraizah telah bersengkongkol dengan kuffar Quraish, ingin menikam Nabi dari belakang. Lalu muncul seorang sahabat bernama Nu'aim bin Mas'oud yang berkawan baik dengan golongan Yahudi dan kuffar Quraish. Ia telah memeluk agama Islam tetapi Yahudi dan Quraish tidak mengetahuinya.

Nu'aim bin Mas'oud datang berjumpa Rasulullah sambil berkata: Adakah sesuatu yang boleh saya buat Ya Rasulullah? Jawab Rasulullah: Lakukanlah sesuatu Ya Nu'aim. Maka Nu'aim pergi kepada Bani Quraizah, dinasihatkannya Bani Quraizah bahawa mereka adalah penduduk tetap Madinah, Quraish adalah pendatang dan selepas maksud mereka tercapai mereka akan pulang ke Mekah. Jika Rasulullah menang dalam peperangan ini, maka Bani Quraizah akan menerima padahnya, Quraish akan lari meninggalkan Madinah. Oleh itu hendaklah Bani Quraizah meminta jaminan daripada Quraish supaya beberapa orang pembesar Quraish tinggal bersama-sama mereka sebagai jaminan supaya mereka tidak akan lari meninggalkan Madinah. Bani Quraizah menerima nasihat Nu'aim itu.



Kemudian Nu'aim pergi kepada Quraish, ia memberitahu mereka bahawa Bani Quraizah itu tidak boleh dipercayai sangat, silap-silap mereka akan menyerahkan pembesar-pembesar Quraish kepada Rasulullah bagi menebus langkah mereka yang salah kerana telah melanggar perjanjian yang mereka meterai bersama Rasulullah. Nu'aim mengingatkan bahawa jika Bani Quraizah meminta beberapa orang pembesar Quraish untuk bersama-sama mereka sebagai jaminan, maka jangan mereka turuti permintaan itu. Maka berlakulah keraguan dan buruk sangka di antara Quraish dan Bani Quraizah.

Quraish menghantar rombongan kepada Bani Quraizah bagi menentukan saat memulakan serangan. Quraish mencadangkan supaya serangan bersama-sama dimulakan pada hari Sabtu. Bani Quraizah tidak bersetuju kerana hari Sabtu adalah hari suci bagi Yahudi. Dalam pada itu Bani Quraizah meminta supaya Quraish menyerahkan kepada mereka beberapa orang pembesar Quraish sebagai jaminan bahawa mereka benar-benar jujur. Quraish merasakan bahawa benarlah apa yang telah disampaikan oleh Nu'aim itu kepada mereka mengenai niat jahat Bani Quraizah.

Firman Allah dalam Surah Muhammad, Ayat 7 yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن نَّصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ  
وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

Yang Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu;”.

Maka pada malam itu, datanglah pertolongan Allah, angin yang kencang, sejuk yang menusuk ke tulang sumsum, ribut menerbangkan khemah-khemah Quraish, lalu Quraish diserang ketakutan, mereka cabut lari, bertempiaran kembali ke Mekah. Selepas itu Bani Quraizah pun menerima padah di atas ketidaksetiaan mereka terhadap perjanjian yang telah mereka persetujui. Inilah contoh kontra patriotisme.

Dari kisah ini kita nampak sikap Nu’aim bin Mas’oud yang patriotisme, ia cintakan tanah air, ia cintakan ugama dengan menggunakan akal fikiran dan kebijaksanaan bagi melaksanakan taktik peperangan yang berjaya.

Sementara itu, perbuatan Bani Quraizah merupakan suatu pengkhianatan, mengkhianati janji. Islam melarang pengikutnya memungkir janji, kerana memungkir janji adalah di antara tanda munafiq.

### Tiga kali Takbir:

10. Sekarang saya ingin mengingati peristiwa bersejarah di negara kita iaitu suara Takbir yang mengiringi Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada malam 1hb. Januari 1984. Ada orang tertanya-tanya kenapa Takbir "Allahu Akbar" sebanyak tiga kali yang dikumandangkan di bawah pimpinan Almarhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien itu?. Kita semua faham kalimah Takbir, "Allahu Akbar" mengandungi maksud "Allah Yang Maha Besar" dengan segala sifatNya yang sempurna, seperti yang tergambar dalam "Asmaa'ul Husna".

Kalimah Takbir "Allahu Akbar" pernah dikumandangkan oleh Rasulullah sebanyak tiga kali. -Mari kita merujuk peristiwa

persediaan Perang Khandaq, iaitu semasa umat Islam menggali parit yang kira-kira lebarnya sehingga kuda tidak boleh menyeberang, Strategi perang ini diusulkan oleh Salman Al-Farisi, sahabat yang berasal dari Farsi (Iran), berdasarkan pengalaman negara Farsi dalam peperangan. Para sahabat menjumpai seketul batu besar yang sangat pejal, mereka tidak terdaya memecahkannya. Perkara itu disampaikan kepada Rasulullah, lalu baginda mencapai cangkul dan turun ke tempat berkenaan. Baginda mengucapkan: Bismillah dan kemudian mencangkul batu tersebut, sesudah itu baginda melaungkan takbir "Allahu Akbar". Sebahagian batu itu pecah berkeping-keping menjadi pasir. Baginda menyatakan bahawa Allah telah memberikan kepada baginda kunci-kunci Syam, dan baginda telah diperlihatkan istana-istana Syam yang bercat merah. Baginda mencangkul kali kedua, sesudah itu baginda melaungkan takbir "Allahu Akbar", kemudian baginda menyatakan bahawa Allah memberikan kepada baginda tanah Parsi, dan baginda telah diperlihatkan istana Mada'in yang bercat putih. Baginda mencangkul kali ketiga, kemudian diikuti laungan takbir "Allahu Akbar", maka habis hancurlah batu tersebut, kemudian baginda menyatakan bahawa Allah memberikan kepada

baginda kunci-kunci Yaman, dan baginda telah diperlihatkan pintu-pintu gerbang Shan'a.

Takbir "Allahu Akbar" yang dilaungkan tiga kali di malam yang bersejarah itu mempunyai contoh sandaran sejarah yang dilalui oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

### Sayidina Khalid Ibnul Walid:

11. Sayidina Khalid Ibnul Walid adalah seorang Panglima Perang yang masyhur dalam sejarah Islam. Semasa ia masih kafir, dia telah memporak porandakan tentera Islam dalam Perang Uhud sehingga Rasulullah mendapat kecederaan dan orang-orang Islam hampir mengalami kekalahan. Sésudah ia Islam, ia berjuang sebagai Panglima Perang pada zaman Rasulullah dan zaman Khalifah Sayidina Abu Bakar As Syiddiq.

Di antara kecemarlangannya ialah ketika memimpin tentera Islam dalam Perang Mu'tah. Dalam Perang Mu'tah itu Rasulullah telah melantik Zaid bin Harithah sebagai pemimpin perangnya. Jika

Zaid gugur kepemimpinan pindah kepada Abdullah bin Rawahah, dan baginda berpesan jika Abdullah gugur maka penggantinya ialah Ja'far bin Abu Thalib, manakala jika Abdullah gugur perkara itu tiada ada pesanan daripada Rasulullah. Ertinya perkara itu terserah kepada kaum muslimin untuk memikirkannya. Akhirnya ketiga-tiga panglima tersebut gugur di medan pertempuran, maka Khalid Ibnul Walid muncul sebagai pemimpin perang bagi menggantikan Ja'far bin Abu Thalib. Maka dengan semangat patriotisme terhadap ugamanya, dengan semangat perjuangan yang tinggi, Khalid telah berjaya memimpin pasukan perang itu dan kembali ke Madinah dengan selamat bagi menghindari kerugian yang lebih besar, kerana angkatan Rome yang mereka hadapi terlalu besar dan cukup kekuatan dan kelengkapannya. Sayidina Khalid dikenali dengan gelaran "Saifullah" iaitu "Pedang Allah" bagi menghormati jasa bakti dan kesetiaannya. Di antara peperangan yang disertai oleh Khalid ialah Perang Mu'tah, Perang Hunain, Perang Bani Juzaimah dan lain-lain lagi.

Ketika Sayidina Khalid diperintah memimpin pasukan tenteranya ke Syam iaitu setelah ia mencapai kemenangan di Parsi,

dan tujuan ke Syam itu ialah untuk bergabung dengan pasukan-pasukan lain yang sudah sedia di sana. Maka Khalifah Sayidina Abu Bakar pun wafat. Ia diganti oleh Sayidina Umar, maka Sayidina Umar dengan ijtihadnya sendiri, dengan pandangannya sendiri telah menukar kepimpinan angkatan perang ketika itu dengan melantik Abu Ubaidah bin Jarrah bagi menggantikan Khalid ibnul Walid. Apakah sikap Sayidina Khalid terhadap perantikan Abu Ubaidah tersebut dan dirinya menjadi tentera biasa? Sayidina Khalid mempunyai semangat perjuangan yang tulin dan sejati, serta kesetiaannya kepada Islam tetap kukuh, ia terus berjuang, sehingga ada diriwayatkan bahawa ia berkata: "Aku berjuang bukan kerana Umar tetapi aku berjuang kerana Allah". Begitulah Khalid terus berjuang, inilah patriotisme.

### Posmen

12. Saya ingin memetik satu cerita dari buku Citra Karya mengenai Falsafah, Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, keluaran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia Tahun 1994 .

“ Pada bulan Ogos 1992, seorang posmen bernama Norlisman bin Abu telah terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa menjalankan tugasnya untuk menghantar surat-surat dan bungkusan. Semasa terjatuh daripada motosikal yang ditunggangnya beliau sempat memungut kembali surat-surat berdaftar yang dibawanya dan menggendong surat-surat tersebut di dadanya. Beliau enggan melepaskan surat-surat dan bungkusan tersebut kepada sesiapa pun sehinggalah beliau dibawa ke hospital. Di sana barulah beliau menyerahkan surat-surat tersebut kepada ketua jabatan beliau yang datang melawatnya. Menurut pandangan En. N. Rajasingam, Ketua Pengarah Pos pada masa itu, En. Norlisman telah mematuhi prinsip-prinsip peraturan tata kelakuan perkhidmatan awam yang bermaksud; mengutamakan perkhidmatan lebih daripada diri sendiri. Perbuatan En. Norlisman menunjukkan beliau mempunyai sifat amanah ”. Kisah ini memaparkan nilai kesetiaan dalam perkhidmatan, ini adalah contoh patriotisme.



### Memelihara Aqidah:

13. Sebagai contoh patriotisme di Negara Brunei Darussalam ini, saya ingin memetik sebahagian dari Pengisytiharan Anugerah Bakti Hijrah Negara Brunei Darussalam Tahun Hijrah 1419 iaitu mengenai penerimanya Allahyarham Awang Haji Abdul Malik bin Abdullah.

“ Dengan bakat kepimpinannya dan atas nama jawatan Ketua Kampong beliau telah memerhatikan suatu gerakan keugamaan di kampongnya yang boleh mendatangkan bencana dan perpecahan dan menghancurkan keharmonian hidup di kalangan penduduk Kampong Ulu Tutong itu khasnya. Menurut dokumen, gerakan itu ialah suatu ajaran yang dinamakan ajaran Bahai yang menyusup ke Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1962 di bawa oleh pengembang-pengembang dari luar negeri. Tempat yang mula-mula didatangi oleh gerakan ajaran tersebut ialah kampong pedalaman Ulu Tutong iaitu Kampong Binutan dan Kampong Supon Besar. Penduduk di kampong itu terdiri dari puak Iban dan Puak Dusun.

Tokoh yang diraikan dengan rasa penuh tanggungjawab telah mengambil langkah-langkah yang positif dengan membuat laporan mengenai kegiatan-kegiatan gerakan ajaran Bahai di Kampong Ulu Tutong itu kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Tokoh tersebut semasa ia bertindak sedemikian, beliau belum lagi memeluk Ugama Islam, bahkan belumpun memeluk sebarang ugama, hanya atas rasa tanggungjawab sebagai Ketua Kampong dan sebagai orang Brunei yang merasakan bahawa gerakan ajaran Bahai itu sangat berlainan daripada kepercayaan dato neneknya dan berlainan dengan ajaran Ugama Islam yang dianuti oleh kebanyakan masyarakat Brunei. Ia khuatir ajaran Bahai itu akan mengacau-bilaukan keharmonian hidup bermasyarakat dan seterusnya boleh menggugat ketenteraman dan keamanan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu beliau menasihati anak buah kampongnya supaya jangan terpengaruh dengan gerakan ajaran Bahai yang sedang bergerak di Kampong Ulu Tutong itu”.

Tokoh tersebut ialah Allahyarham Haji Abdul Malik bin Abdullah, penerima Anugerah Bakti Hijrah, bagi tahun 1419 Hijrah

yang lalu. Ini contoh patriotisme bagi memelihara keharmonian hidup bermasyarakat dan memelihara ketenteraman dan keamanan negara.

### Penutup

14. Brunei banyak mempunyai contoh-contoh patriotisme dalam sejarahnya, ini dapat diikuti daripada catatan-catatan sejarah Brunei Darussalam, puncak daripada contoh-contoh itu ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berjaya mengembalikan daulat Negara Brunei Darussalam sepenuhnya sehingga Negara Brunei Darussalam menikmati kemerdekaannya pada 1 Januari 1984 dengan mendokong falsafah Negara Islam Melayu Beraja.

15. Saya akhiri ceramah ini dengan sajak " Keteguhan Negara " ciptaan Shukri Zain:-

Gema Takbir Allahuakbar masih segar  
meniti malam menunajat Allah Maha Besar  
mengiringi peristiwa sejarah suatu permasyhuran  
rakyat bersyukur semoga bertambah makmur

Kembali sepenuhnya daulat yang dirindukan  
kembali disapuh purih yang diwariskan  
sejak berzaman terpahat terus dikekalkan  
teras Negara Melayu Islam Beraja

Lima abad kita mengalami pasang dan surut  
pemencilan, kepedihan, kemiskinan dan penderitaan  
serangan, keganasan dan peperangan  
campur tangan asing mewarnai adat budaya

Pengalaman mengajar kita supaya berubah  
wujudlah kemakmuran, keamanan perkembangan berkeadilan  
ramai pahlawan mempertahankan keteguhan negara  
Sultan Berkat membawa bendera ke syurga

Kasih raja menghadiahkan sebuah perlembagaan  
merintis jalan menuju kemerdekaan  
cinta raja mengembalikan daulat bangsa  
era kemerdekaan diiringi takbir Allahuakbar

Bergemalah di mimbar bangsa-bangsa bersatu

“ kami ingin memastikan untuk terus memodenkan negara kami di samping mengukuhkan pegangan mengikut prinsip-prinsip agama Islam yang kami anuti sejak turun temurun ”

Kita sedar kenyataan hidup terus mencabar rezeki dan kemakmuran diraih puncanya bakarih . marilah mendukung keadilan dan akhlak terpuji keamanan dan kedamaian sentiasa kita rindui

Di sini kita berdiri sebagai bangsa merdeka mengekalkan Negara Melayu Islam Beraja patriotisme Teras Keteguhan Negara dengan iman dan ilmu kita mempertahannya.

Wassalam.

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tarikh: 7 Muharam 1425H bersamaan  
28 Febuari 2004M

## Rujukan:

- 1) Al Quran Al Karim.
- 2) Abbas Mahmoud Al Akkad, Abqariyah Khalid.
- 3) Al -Mubarakfuri, Safiyya Ar-Rahman, Ar-Rahiq Al-Makhtum, Bahthun fi As-Sirah An Nabawiyya 'Ala Sahibiha Afdhal Al Salati was Salami, Dar al-Kitab Was Sunnah, Pakistan.
- 4) Citra Karya; Falsafah, Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994.
- 5) Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Antologi Puisi: Kembara Merdeka, Dua Dekad Meniti Usia, 2004.
- 6) Ibnu Hisyam, As-Siirah An-Nabawiyah, Juzu' Ketiga, Dar Ihya At-Turath Al-Arabi, Beirut, 1985.
- 7) Ibnu Kathir, Abul Fida Ismail bin Kathir Al Quraishi Ad Dimasyqi, Tafsir Al Quranil Azim, Beirut, 1969.
- 8) Pengisytiharan Anugerah Bakti Hijrah Negara Brunei Darussalam Tahun Hijrah 1419, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1998.
- 9) Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian Al Quran, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1995.